

## **Guru-Guru Efektif (part 2)**

**Ramlan Nordin**

Menurut Mok Soon (1996) seorang guru yang baik seharusnya mempunyai sifat dan kualiti berikut:-

1. Baik hati
2. Pandai berjenaka
3. Sabar
4. Bertanggungjawab
5. Yakin
6. Kepimpinan

Beliau seterusnya menyenaraikan 6 sifat yang perlu ada bagi seorang guru yang cekap dna berkesan:-

1. Sifat ingin tahu
2. Memiliki pengetahuan ikhtisas
3. Suka membaca
4. Mempunyai kemahiran bertutur
5. Mempunyai daya ingatan yang kuat
6. Berdaya usaha

Menurut Hamachel (1971) guru yang berkesan boleh dicirikan sebagai berikut:-

Mempunyai pandangan yang lebih positif berbanding orang lain sama ada pelajar, rakan sekerja atau pihak pentadbir.

Walaupun seringkali memberi kritikan yang membina, pada masa yang sama melihat pihak yang dikritik sebagai aset yang sangat bernilai yang perlu didekati dan dihormati.

Mempunyai pelbagai prosedur kelas yang disukai serta bersifat demokratik.

Disamping memiliki kebolehan untuk melihat apa yang berlaku pada seseorang itu, dia juga mampu melihat sesuatu perkara berdasarkan perspektif orang lain.

Melihat pelajar sebagia individu yang mampu melakukan sesuatu perkara apabila pelajar dipercayai, dihormati dan dihargai.